

NeXT

Network of excellence, Knowledge and Transformation



EDISI

MEI 2025

eISSN : 3093-6543

MENGGAPAI EMAS

Ahmad Azman Mohamad Ramli

Pengajian Sains Maklumat

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik,

Universiti Teknologi MARA (UiTM),

Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau,
71300, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Penulis telah menyertai pelbagai pertandingan inovasi sepanjang berkhidmat di UiTM iaitu bermula pada tahun 2009. Hasil daripada penyertaan ini, penulis telah memenangi pelbagai anugerah kemenangan. Bagaimanapun, anugerah kemenangan yang dianggap paling istimewa ialah apabila penulis memenangi anugerah pingat emas dalam pertandingan inovasi Terengganu Invention, Innovation and Design 2010. Pertandingan ini dianjurkan oleh UiTM Cawangan Terengganu dan diadakan di dalam Dewan Aspirasi di universiti tersebut. Pertandingan ini merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh universiti tersebut. Penyertaan adalah terbuka kepada pasukan daripada kakitangan UiTM sendiri dan pasukan daripada luaran UiTM.

Pasukan yang diketuai oleh penulis yang terdiri daripada 5 orang pensyarah daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana telah menyertai pertandingan ini. Pasukan ini telah menampilkan suatu produk inovasi yang bertajuk **“e-Penyediaan dan Penghantaran Surat Rasmi untuk Organisasi Kerajaan di Malaysia.”** Produk ini berbentuk suatu sistem perisian yang berfungsi memudahkan pengguna menyediakan surat rasmi dengan mengikut format dan standard yang ditetapkan oleh Perkhidmatan awam Malaysia. Produk ini juga mampu memudahkan pengguna menghantar melalui e-mel atau lain-lain platform salinan soft copy surat rasmi yang telah disediakan kepada penerima tanpa perlu mencetak surat rasmi tersebut. Untuk permulaan dan sebagai suatu produk prototype, produk ini menggunakan perisian Microsoft Excess sebagai medium untuk menghasilkan sistem perisian ini. Produk ini sangat mudah digunakan dan tidak memerlukan perbelanjaan yang besar untuk memilikinya.

Pertandingan berlangsung dengan penuh hebat kerana setiap pasukan telah mengetengahkan produk-produk inovasi yang sangat menarik. Bagaimanapun produk pasukan penulis telah lebih berjaya menarik minat dan meyakinkan para juri pertandingan sehingga ia terpilih memenangi anugerah emas dalam pertandingan ini. Hasil kemenangan ini, ahli pasukan telah dianugerahkan 1 pingat kemenangan, 5 keping sijil kemenangan dan 5 keping sijil penyertaan.

Kejayaan menggapai pingat emas ini telah berjaya menaikkan lagi imej fakulti pada masa itu dan ia juga telah meningkatkan lagi motivasi penulis dan ahli pasukannya untuk terus menghasilkan produk-produk inovasi baru untuk dipertandingkan dalam lain-lain pertandingan inovasi. Kesimpulannya pingat emas yang digapai itu telah memberikan kepuasan dan motivasi yang tidak terhingga kepada semua ahli pasukan.



Gambar 1: Pingat Emas



Gambar 2: Sijil Kemenangan